

## PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG TERHADAP MANGSA PENDEREAAN KANAK-KANAK KURANG UPAYA DI MALAYSIA

**NORAZLA ABDUL WAHAB**  
**NURUL MAHIRAH GULAM RASUL**  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
[norazla@uis.edu.my](mailto:norazla@uis.edu.my) (Corresponding author)

### ABSTRAK

*Kanak-kanak kurang upaya (OKU) merupakan kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak biasa dalam aspek mental, keupayaan sensori dan komunikasi, tingkah laku sosial serta ciri-ciri fizikal. Mereka juga mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual dan pancaindera serta berdepan dengan pelbagai halangan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat. Disebabkan ketidakupayaan tersebut, mereka lebih berisiko untuk menjadi mangsa penderaan. Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis bentuk-bentuk perlindungan undang-undang terhadap mangsa penderaan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen sebagai kaedah utama pengumpulan data. Analisis dibuat terhadap dokumen-dokumen perundangan seperti instrumen undang-undang antarabangsa, dasar dan polisi kerajaan serta akta-akta yang berkaitan. Kajian mendapati, undang-undang sedia ada adalah mencukupi bagi melindungi mangsa penderaan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 umpsamanya menyebut dengan jelas mengenai kaedah penerimaan keterangan saksi kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. Namun, beberapa aspek perlu diambil kira supaya kanak-kanak kurang upaya ini benar-benar mendapat pembelaan dan perlindungan undang-undang sewajarnya. Penyediaan fasiliti mesra OKU di Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) dan rumah-rumah perlindungan kanak-kanak perlu dipertimbangkan selain mekanisme pelaporan dan aduan yang mesra OKU. Kajian ini adalah signifikan dalam usaha menyediakan perlindungan dan sistem sokongan yang komprehensif terhadap mangsa kanak-kanak kurang upaya selain menambah baik perundangan, garis panduan, modul dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan sedia ada.*

**Kata kunci:** Kanak-kanak, Kurang Upaya, Penderaan, Perlindungan Undang-Undang, Mesra OKU

### PENGENALAN

Seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001 mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Manakala, kanak-kanak kurang upaya merupakan kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak biasa dalam aspek mental, keupayaan sensori dan komunikasi, tingkah laku sosial serta ciri-ciri fizikal (JKM, 2020). Mereka juga mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual dan pancaindera serta berdepan dengan pelbagai halangan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat (JKM, 2020).

Statistik kes penganiayaan dan penderaan kanak-kanak di Malaysia yang dilaporkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan peningkatan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 6,770 kes berbanding 6,144 kes pada tahun 2021. Manakala dari Januari sehingga Mei 2023, JKM telah mengendalikan sebanyak 2,959 kes penderaan kanak-kanak melibatkan penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian (Hafiz, 2023). Antara faktor berlakunya kes penderaan kanak-kanak ialah keadaan mangsa itu sendiri umpsamanya kanak-kanak yang cacat atau kurang upaya (Saliha et. al, 2019; Abdul Halim et al, 2022). Individu yang

memiliki sebarang jenis ketidakupayaan adalah termasuk dalam kategori *vulnerable persons* yang mempunyai risiko tinggi kepada sebarang bentuk penganiayaan (Chu, A. T., et al, 2011).

Pada 6 Julai 2021, negara dikejutkan dengan insiden tragis penderaan seorang kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun bernama Bella dan merupakan orang kurang upaya (OKU) *Sindrom Down* di sebuah unit kondominium di Wangsa Maju, Kuala Lumpur (Syaherah Mustafa, 2022). Mangsa telah didera oleh Siti Bainun Ahd Razali iaitu pengasas Pertubuhan Kebajikan Rumah Bonda Kuala Lumpur (Rumah Bonda) di antara Februari sehingga Jun 2021. Bella telah mengalami kelecuran teruk pada dada, tangan dan leher, serta kesan luka di paha. Pada 20 Ogos 2021, Siti Bainun telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan iaitu melakukan pengabaian dan penganiayaan terhadap Bella berdasarkan seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001(Umavathi Ramayah, 2023).

Selepas kes Bella, terdapat beberapa lagi kes penderaan melibatkan kanak-kanak OKU. Pada 1 Oktober 2021, seorang kanak-kanak lelaki Orang Kelainan Upaya (OKU) autisme telah didera oleh seorang penjaga warganegara Singapura bernama Sharifah Mazlan berumur 51 tahun di Pusat Intervensi Autisme, Bandar Baru Ampang (NorAzlida, 2021). Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. Manakala pada 25 Mac 2023, seorang wanita iaitu ibu kepada tiga orang kanak-kanak OKU masalah pendengaran dan pembelajaran telah ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001. Wanita tersebut didapati telah mengurung dan merantai kanak-kanak OKU berkenaan sebelum kanak-kanak tersebut bertindak mlarikan diri dan ditemui di Jalan Kampung Tambun Tulang, Simpang Empat, Kuala Kangsar, Perlis (Aizat, 2023).

Tiga kes ini adalah sebahagian daripada kes penderaan kanak-kanak OKU yang mendapat liputan media. Melihat kepada *trend* peningkatan kes penderaan kanak-kanak di Malaysia, kanak-kanak kurang upaya juga mempunyai keberangkalian tinggi untuk menjadi mangsa. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan menganalisis perlindungan undang-undang yang disediakan terhadap mangsa penderaan kanak-kanak kurang upaya berdasarkan dasar, polisi, pelan tindakan dan undang-undang di Malaysia.

## SOROTAN LITERATUR

### Kanak-Kanak Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia

Rajah 1 di bawah menunjukkan bilangan kumulatif orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar mengikut kumpulan umur dan kategori ketidakupayaan di Malaysia pada tahun 2020 sehingga 2022. Statistik tersebut menunjukkan kira-kira 152,038 orang daripada 9.19 juta kanak-kanak di Malaysia adalah terdiri daripada kanak-kanak OKU atau bersamaan 17% dari jumlah keseluruhan kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2022. Jumlah ini diwakili oleh seramai 9,983 kanak-kanak berumur kurang daripada enam tahun, 70,091 kanak-kanak berumur 6 sehingga 12 tahun dan 71,964 kanak-kanak berumur 13 sehingga 18 tahun.

Kanak-kanak OKU penglihatan adalah terdiri daripada 3,713 orang, kanak-kanak OKU pendengaran seramai 5,013 orang, kanak-kanak OKU pertuturan seramai 1,075 orang,

kanak-kanak OKU fizikal terdiri daripada 15,005 orang , kanak-kanak OKU pembelajaran seramai 116,775, kanak-kanak OKU mental terdiri daripada 79 orang dan kanak-kanak OKU kurang upaya pelbagai seramai 10,378 orang. Statistik menunjukkan ketidakupayaan pembelajaran merupakan kategori ketidakupayaan paling tinggi dalam kalangan kanak-kanak pada tahun 2022.

Rajah 1.0: Bilangan Kumulatif Orang Kurang Upaya (OKU) Yang Berdaftar Mengikut Kumpulan Umur Dan Kategori Ketidakupayaan Di Malaysia Pada Tahun 2020 Sehingga 2022.

**Jadual 1.5 : Bilangan kumulatif orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar mengikut kumpulan umur dan kategori ketidakupayaan, Malaysia, 2020-2022**  
*Table 1.5 : Cumulative number of registered persons with disabilities (PWD) by age group and category of disabilities, Malaysia, 2020-2022*

Kumpulan umur Age group	Tahun Year	Jumlah Total	Penglihatan Visually impaired	Pendengaran Hearing	Fizikal Physical	Pembelajaran Learning disabilities	Pertuturan Speech	Mental	Pelbagai Multiple
<b>Jumlah</b> <b>Total</b>	<b>2020</b>	<b>586,558</b>	<b>52,111</b>	<b>40,319</b>	<b>213,716</b>	<b>201,355</b>	<b>2,996</b>	<b>48,644</b>	<b>27,417</b>
	<b>2021</b>	<b>621,248</b>	<b>55,112</b>	<b>41,819</b>	<b>227,032</b>	<b>213,592</b>	<b>3,204</b>	<b>51,599</b>	<b>28,890</b>
	<b>2022</b>	<b>674,548</b>	<b>59,143</b>	<b>43,962</b>	<b>245,015</b>	<b>236,972</b>	<b>3,509</b>	<b>55,064</b>	<b>30,883</b>
≤ 6 tahun/ years	2020	8,483	245	457	1,843	4,803	10	2	1,123
	2021	13,191	326	643	2,326	8,322	24	2	1,548
	2022	9,983	215	500	1,706	6,456	15	2	1,089
6-12 tahun/ years	2020	60,767	1,483	2,146	6,547	45,491	446	10	4,644
	2021	68,131	1,612	2,275	6,795	51,961	510	12	4,966
	2022	70,091	1,369	2,016	6,309	54,973	447	9	4,968
13-18 tahun/ years	2020	65,285	2,109	2,380	6,695	49,857	556	82	3,606
	2021	66,691	2,201	2,434	6,954	50,735	562	117	3,688
	2022	71,964	2,129	2,497	6,990	55,346	613	68	4,321
19-21 tahun/ years	2020	30,906	1,371	1,793	4,309	21,709	121	269	1,334
	2021	31,691	1,430	1,827	4,589	21,995	126	341	1,383
	2022	32,384	1,425	1,377	4,230	23,470	190	207	1,485
22-35 tahun/ years	2020	110,980	7,658	7,933	28,991	52,741	453	7,821	5,383
	2021	114,717	8,043	8,109	30,488	53,337	480	8,730	5,530
	2022	126,410	8,182	8,566	30,360	64,839	510	7,868	6,085
36-45 tahun/ years	2020	73,322	6,907	6,322	29,139	13,903	362	13,560	3,229
	2021	77,069	7,222	6,472	31,174	14,167	383	14,310	3,341
	2022	81,738	7,569	6,876	32,557	16,512	441	14,265	3,518
46-59 tahun/ years	2020	113,666	13,307	8,494	59,468	9,855	581	17,879	4,082
	2021	120,284	14,206	8,803	63,714	10,025	619	18,651	4,266
	2022	127,298	14,681	9,077	66,355	11,371	659	20,588	4,567
60+ tahun/ years	2020	123,149	19,131	10,794	76,724	2,996	467	9,021	4,016
	2021	129,474	20,072	11,256	80,992	3,050	500	9,436	4,168
	2022	154,680	23,573	13,053	96,508	4,005	634	12,057	4,850

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat  
 Source: Department of Social Welfare

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Statistik Orang Kurang Upaya Malaysia 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia, Februari 2024.

Terdapat tujuh kategori orang kurang upaya (OKU) yang dijelaskan dalam Garis Panduan Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya Pindaan 2019 oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tujuh kategori tersebut ialah kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai. Jadual 1 di bawah menjelaskan jenis-jenis ketidakupayaan tersebut secara terperinci.

Bil	Ketidakupayaan	Penerangan
1	Pendengaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Normal (20 dBHL dan ke bawah): Boleh mendengar semua bunyi pertuturan.</li> <li>● Ringan (21-40 dBHL): Boleh mendengar bunyi perlahan, boleh mendengar bunyi pertuturan dalam suasana senyap.</li> <li>● Sederhana (41-70 dBH): Sukar mendengar bunyi pertuturan dalam suasana senyap.</li> <li>● Teruk (71-90 dBH): Tidak dapat mendengar walaupun dalam suasana senyap, hanya mendengar bunyi kuat, mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan orang lain.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sangat teruk (91 dBHL dan ke atas): Tidak dapat mendengar walaupun bunyi kuat. Mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan orang lain.</li> </ul>
2	Penglihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terhad di kedua-dua belah mata: Penglihatan lebih teruk daripada 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 20 darjah dari fiksasi.</li> <li>Buta di kedua-dua belah mata: Penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang dari 10 darjah dari fiksasi di kedua-dua belah mata.</li> <li>Buta di sebelah mata: Penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang dari 10 darjah dari fiksasi di sebelah mata.</li> <li>Lain-lain gangguan penglihatan kekal. (Contoh: albinism): Disahkan oleh Pakar Oftalmologi Sahaja.</li> </ul>
3	Pertuturan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kecelaruan Pertuturan dan Bahasa/Kecelaruan komunikasi kompleks Contoh: Kanak-kanak: pediatric speech and language disorders Dewasa: Aphasia Berlaku apabila individu sukar untuk menghantar, menerima, memproses dan memahami konsep sesuatu sistem simbol secara lisan, bukan lisan atau maklumat grafik. (Termasuk berkaitan masalah kelewatan Perkembangan (GDD), pendengaran, masalah berkaitan sindrom, Autisme, ADHD, strok, kecederaan otak dan lain-lain berkaitan).</li> <li>Kecelaruan motor pertuturan Contoh: Apraxia, Dysarthria Kelemahan dan ketidakfungsian struktur dan otot yang menghasilkan bunyi pertuturan menyebabkan kadar, kelancaran dan kejelasan pertuturan terganggu.</li> <li>Kecelaruan Suara Contoh: Dysphonia/Aphonia Kualiti, kelangsungan dan kekuatan suara seseorang individu berbeza dari individu-individu lain yang mempunyai usia, jantina, budaya dan kedudukan geografi yang sama dengan individu tersebut.</li> <li>Kecelaruan kelancaran pertuturan/kegagapan Contoh: Stuttering, Cluttering Gangguan pada aliran pertuturan yang dicirikan oleh pengulangan, pemanjangan, sekatan dan hentian bunyi, perkataan dan ayat termasuk Spasmodic dysphonias dan Laryngeal tremor</li> <li>Kecelaruan Resonan</li> <li>Contoh: Hypernasality, Hyponasality Masalah kesengauan pertuturan disebabkan oleh gangguan pada mekanisma pengaliran udara berpunca dari keabnormalan struktur pertuturan seperti sumbing lelangit, sekatan, masalah neurologi kegagalan fungsi velofaringeal dan oromandibular dystonia.</li> </ul>
4	Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Limb Defect (Acquired / congenital): Keadaan di mana berlaku kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana bahagian anggota badan termasuk kehilangan tangan, kaki, jari tangan / jari kaki, kehilangan mana-mana ibu jari atau kehilangan keseluruhan dua jari dan kehilangan mana-mana jari yang melibatkan tulang metacarpal / metatarsal).</li> <li>Spinal Cord Injury: Keadaan saraf tunjang akibat trauma atau bukan trauma yang menjelaskan fungsi otot, deria serta autonomik di Bahagian bawah aras kecederaan.</li> <li>Strok: Keadaan di mana berlaku kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain</li> </ul>

		<p>sebahagian tubuh badan akibat kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerdil. Contoh: Achondroplasia Keadaan di mana ketinggian bagi seseorang adalah kurang daripada 142cm bagi lelaki dan kurang daripada 138cm bagi wanita.</li> <li>● Traumatic Brain Injury: Keadaan di mana berlaku kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain sebahagian tubuh badan akibat kecederaan otak.</li> <li>● Cerebral Palsy: Keadaan kekal di mana berlaku masalah pergerakan dan postur yang mengehadkan aktiviti akibat gangguan bukan progresif di bahagian otak. Terbahagi kepada tiga jenis seperti Hemiplegia, Diplegia, Quadriplegia dan Lain-lain</li> <li>● Lain-lain: Contoh- Duschenne Muscular Dystrophy dan penyakit kronik yang menyebabkan kurang Upaya fizikal.</li> </ul>
5	Pembelajaran, kawalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Global Developmental Delay (GDD) Terbahagi kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk . Keadaan di mana berlaku perkembangan lewat sekurang-kurangnya dua standard deviation dalam sekurang-kurangnya dua domain sama ada gross motor / fine motor, speech / language, cognition, social / personal atau activities of daily living bagi pemohon berumur kurang dari lima tahun.</li> <li>● Sindrom Down Terbahagi kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk. Berpunca dari kecelaruan kromosom yang terlebih iaitu pada kromosom 21.</li> <li>● Attention Defisit Hyperactivity Disorder (ADHD) Terbahagi kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk. Kesulitan sepanjang hayat yang melibatkan tahap tumpuan serta impuls.</li> <li>● Autisme Terbahagi kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk. Autisme merupakan gangguan neurologi yang memberikan impak negative kepada kanak-kanak dari segi kemahiran interaksi sosial dan imaginasi.</li> <li>● Intelektual Terbahagi kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk. Kurang Upaya Intelektual merupakan kekurangan dari segi fungsi intelek (terencat akal) bagi kanak-kanak berumur lima tahun ke atas.</li> <li>● Specific Learning Disability Dyslexia: Perbezaan cara otak berfikir dalam menghubungkan simbol visual dan bunyi seterusnya mengalami kesukaran membaca, menulis, memahami, mengeja, dan mengira. Dyscalculia: Keadaan yang mempengaruhi keupayaan pemohon menguasai / memperoleh kemahiran aritmetik. Dysgraphia: keadaan yang mempengaruhi keupayaan skil motor halus pemohon seterusnya mendatangkan kesulitan membentuk huruf, menulis dan lain-lain.</li> </ul>
6	Mental	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Organic Mental Disorder</i> yang serius dan kronik. Dementia in Alzheimer's disease Vascular dementia Other mental disorders due to brain damage and dysfunction and ti physical disease.</li> <li>● Schizophrenia, Schizotypal and Delusional Disorders. Schizoaffective Disorders</li> </ul>

		<p>Persistent Delusional Disorders          Other non-organic psychotic disorders</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mood Disorder             <ul style="list-style-type: none"> <li>Bipolar affective disorder</li> <li>Recurrent depressive disorder</li> <li>Persistent mood disorders and</li> <li>Other mood disorders</li> </ul> </li> <li>● Severe Anxiety Disorder             <ul style="list-style-type: none"> <li>Phobic Anxiety disorders (Fobia)</li> <li>Panic disorder</li> <li>Generalized Anxiety disorder</li> <li>Mixed Anxiety and depressive disorder</li> <li>Obsessive Compulsive Disorder (OCD)</li> </ul> </li> </ul>
7	Pelbagai	Seseorang individu yang mengalami lebih daripada satu jenis ketidakupayaan.

Jadual 1.0: Kategori Ketidakupayaan

Sumber: Garis Panduan Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya Pindaan 2019 oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (2020)

Kurang upaya pendengaran ialah apabila seorang individu tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran atau ketidakupayaan pendengaran kekal pada kedua-dua belah telinga atau di sebelah telinga. Kecacatan telinga kekal merujuk kepada kecacatan struktur telinga atau sindrom berkaitan yang mengganggu fungsi individu tersebut. Kurang upaya penglihatan apabila buta kedua-dua belah mata atau buta di sebelah mata atau penglihatan terhad di kedua-dua belah mata atau lain-lain gangguan penglihatan kekal. Kurang upaya pendengaran ialah apabila seorang individu tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna serta tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh.

Kurang upaya fizikal ialah apabila seorang individu yang mengalami ketidakupayaan kekal anggota badan sama ada disebabkan oleh kehilangan atau ketiadaan atau ketidakupayaan mana-mana anggota badan yang boleh menjelaskan fungsi mereka dalam melakukan aktiviti asas sepenuhnya seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau penyakit pada mana-mana sistem tubuh yang menyebabkan ketidakfungsian. Individu yang mempunyai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal adalah tergolong dalam kategori kurang upaya pembelajaran. Kurang upaya mental ialah apabila keadaan penyakit mental yang teruk menyebabkan seseorang itu tidak berupaya berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Kurang upaya pelbagai ialah apabila seseorang individu yang mengalami lebih daripada satu jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan di bawah mana-mana enam kategori lain yang sedia ada. Contohnya, seorang individu yang mengalami dua jenis ketidakupayaan dari segi penglihatan dan pendengaran akan didaftarkan di dalam kategori kurang upaya pelbagai.

Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan tentang OKU dari pelbagai aspek umpamanya undang-undang berkaitan OKU (Tahir, Z., et al, 2020); Jaafar, et al, 2014 & Roslan et al, 2021). Namun kajian mengenai kanak-kanak OKU kebanyakannya adalah

berkaitan dengan kanak-kanak OKU dan pendidikan umpamanya kajian Yusof, N. I., & Ismail, H. (2020) mengenai kekangan kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah.

### **Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia**

Penderaan terhadap kanak-kanak boleh dibahagikan kepada empat bentuk iaitu penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Penderaan fizikal adalah apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi fizikal sehingga menyebabkan kecederaan tersebut boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan tersebut. Penderaan ini juga boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan keganasan secara fizikal yang boleh mengakibatkan kecederaan seperti lebam, kesan terbakar, kecederaan dalaman dan luaran, kecederaan otak, patah tulang dan sebagainya (Ngah, A.C, 2002).

Penderaan emosi adalah apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat. Penderaan ini tidak seperti penderaan fizikal, seksual dan pengabaian penjagaan apabila umum boleh mengenali masalah ini dengan mudah (Kassim, K., 2000). Kanak-kanak yang secara berterusan terdedah kepada penderaan emosi berkemungkinan besar mengalami kesan negatif yang menjelaskan pembangunan emosi, tingkah laku dan perasaan rendah diri (Kassim, K., 2000).

Penderaan seksual ialah apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksplorasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain (Wahab, N. A., & Nor, M. F. M., 2018). Hal ini termasuk mempengaruhi atau memaksa kanak-kanak dalam aktiviti seksual yang bertentangan dengan undang-undang seperti menyentuh bahagian sulit kanak-kanak, bersetubuh, sumbang mahram, merogol, meliwat, mendedahkan kemaluan serta eksplorasi komersial melalui pelacuran atau penghasilan gambar lucah (Wahab, N. A., & Nor, M. F. M., 2018). Penderaan seksual membawa kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak, terutamanya kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku (Wahab, N. A., & Nor, M. F. M., 2018).

Pengabaian kanak-kanak didefinisikan sebagai tidak memelihara atau lain-lain tingkah laku yang mewujudkan ancaman kepada kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak (Yusoff, J. Z. M., 2010) umpamanya seorang kanak-kanak telah diabaikan dari segi keperluannya kepada perkara-perkara asas kehidupan seperti keselamatan, makanan berkhasiat, pendidikan, rawatan emosi dan fizikal (Alavi, K., & Ann, W. S. (2003).

Terdapat beberapa kajian di luar negara yang membincangkan mengenai penderaan kanak-kanak OKU seperti kajian Cooke, P., & Standen, P. J. (2002), Fisher, M. H., et al, (2008) dan sebagainya tetapi tidak banyak kajian lepas yang membincangkan mengenai penderaan kanak-kanak OKU di Malaysia secara spesifik.

## METODOLOGI

Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen sebagai kaedah utama pengumpulan data. Analisis dibuat terhadap dokumen-dokumen perundangan iaitu dasar dan polisi Kerajaan, Pelan Tindakan serta konvensyen antarabangsa dan undang-undang seperti Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989, Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya, Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, Dasar Orang Kurang Upaya, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) 2016-2022, Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Keterangan 1950, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### **Dasar, Polisi, Pelan Tindakan dan Undang-undang berkaitan Perlindungan Terhadap Mangsa Penderaan Kanak-Kanak OKU**

Terdapat beberapa instrumen antarabangsa, dasar kerajaan, pelan tindakan dan akta yang telah digubal bagi melindungi kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya daripada menjadi mangsa kes penderaan antaranya Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989, Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya, Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, Dasar Orang Kurang Upaya, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) 2016-2022, Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

#### ***Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (KHKK)***

Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) 1989 merupakan satu triti antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Malaysia telah menandatangan dan meratifikasi triti ini pada tahun 1995 serta mereservasi beberapa peruntukan. Artikel 19 KHKK memperuntukkan kewajipan untuk melindungi kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya daripada sebarang bentuk keganasan fizikal atau mental, penganiayaan, pengabaian, perlakuan cuai, kecederaan dan eksloitasi.

#### ***Konvensyen Tentang Hak Orang Kurang Upaya***

Kerajaan Malaysia telah menandatangani Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) 2010 pada 8 April 2008 dan meratifikasikan konvensyen tersebut pada 19 Julai 2010. Konvensyen ini bertujuan untuk menggalakkan, melindungi dan memastikan semua orang kurang upaya (OKU) dapat menikmati sepenuhnya semua hak dan kebebasan asasi manusia sama seperti orang lain serta memupuk rasa hormat terhadap maruah diri mereka. Hak mengenai kanak-kanak kurang upaya disebut secara khusus di dalam Artikel 7 konvensyen ini apabila Negara-Negara Ahli dikehendaki memastikan kanak-kanak kurang upaya dapat menikmati sepenuhnya semua hak asasi manusia dan kebebasan asasi, sama seperti kanak-kanak lain. Kepentingan kanak-kanak hendaklah menjadi pertimbangan utama dalam semua tindakan berkenaan kanak-kanak kurang upaya.

### ***Dasar Kanak-Kanak Negara***

Dasar Kanak-Kanak Negara adalah satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif. Objektif utama Dasar Kanak-Kanak Negara ialah meningkatkan kualiti dan memperluaskan perkhidmatan sokongan dan bantuan sosial mengikut keperluan kanak-kanak termasuk kanak-kanak OKU dan anak yatim. Objektif kedua dasar ini umpamanya menekankan tentang keperluan bagi setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan, eksloitasi dan diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat.

### ***Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara***

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (KHKK) dan Akta Kanak-Kanak 2001. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksloitasi. Objektif utama dasar ini ialah meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak terhadap usaha melindungi kanak-kanak, mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak, menggalakkan organisasi yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan kanak-kanak mewujudkan dasar perlindungan kanak-kanak organisasi masing-masing, melindungi setiap kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksloitasi serta meningkatkan khidmat sokongan bagi menangani pengabaian, penderaan, keganasan dan eksloitasi terhadap kanak-kanak.

### ***Dasar Orang Kurang Upaya (OKU)***

Dasar OKU menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari. Antara objektif Dasar OKU ialah memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat, memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara, menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya dan mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.

### ***Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) 2016-2022***

Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) 2016-2022 mensasarkan beberapa teras strategik bagi mencapai objektif yang telah digariskan dalam Dasar OKU antaranya meningkatkan aksesibiliti, memperkasakan ekonomi dan memperkuatkan perkhidmatan sosial untuk golongan OKU, meningkatkan akses OKU kepada pendidikan dan kesihatan, meningkatkan penyertaan OKU dalam proses perancangan dan membuat keputusan serta menambah baik akses OKU dalam aspek pengurusan risiko bencana.

### ***Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Pindaan 2016***

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) secara asasnya memperuntukkan perkara berkaitan kepentingan kanak-kanak antaranya tugas dan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memelihara kebijakan dan melindungi kanak-kanak, penubuhan Mahkamah bagi

Kanak-Kanak, prosedur perbicaraan serta perintah melibatkan kanak-kanak dan sebagainya (Yusoff, J. Z., & Tahir, Z., 2005). Akta 611 ini juga mempunyai beberapa peruntukan khusus dalam menangani kes penderaan kanak-kanak antaranya ialah penubuhan Majlis Penyelarasan Bagi Perlindungan Kanak-Kanak, tugas untuk melaporkan kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak, hukuman terhadap individu yang melakukan kesalahan mendera, mengabai dan menganiaya kanak-kanak, pengambilan kanak-kanak dalam jagaan sementara Pelindung atau Pegawai Polis, daftaran kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan sebagainya.

#### ***Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan Pindaan 2023***

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak selain daripada jenis kesalahan seksual dan hukuman sedia ada daripada undang-undang lain serta berkait dengan pentadbiran keadilan seperti keterangan saksi kanak-kanak, kaunseling pemulihan dan pampasan kepada mangsa kanak-kanak.

#### ***Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan Pindaan 2023***

Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 memperuntukkan mengenai tatacara penerimaan keterangan saksi kanak-kanak di mahkamah umpamanya cara pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak termasuk kanak-kanak OKU dan kaedah pengendalian saksi kanak-kanak.

#### ***Akta Orang Kurang Upaya 2008***

Komitmen dan kesungguhan kerajaan Malaysia dalam mengiktiraf golongan OKU dizahirkan dengan penggubalan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Akta ini telah diluluskan di Parlimen pada 24 Disember 2007 dan diwartakan pada 24 Januari 2008 (Jaafar, H. et al, 2014). Peruntukan dalam bahagian empat Akta ini memberikan tumpuan utama kepada hak-hak yang dimiliki oleh golongan OKU seperti kebolehaksesan, habilitasi dan rehabilitasi, kesihatan, perlindungan orang dengan ketidakupayaan teruk dan keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan.

### **Perlindungan Undang-Undang Terhadap Mangsa Penderaan Kanak-Kanak OKU**

#### ***Hukuman Terhadap Pesalah***

Seksyen 31, 32 dan 33 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan hukuman bagi kesalahan berhubung dengan kesihatan dan kebijakan kanak-kanak. Seksyen 31 Akta 611 menjelaskan hukuman bagi perbuatan penganiayaan, pengabaian, pembuangan dan penderaan kanak-kanak. Manakala Seksyen 32 menjelaskan hukuman bagi mengakibatkan kanak-kanak mengemis dan menjalankan aktiviti yang salah di sisi undang-undang. Seterusnya, seksyen 33 menjelaskan hukuman kerana meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang berpatutan.

Pindaan pada tahun 2016 kepada Seksyen 31 Akta 611 berkaitan kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan dan pendedahan kanak-kanak kepada kecederaan fizikal, emosi dan seksual telah menaikkan penalti hukuman penjara dari 10 tahun kepada 20 tahun, denda daripada RM20 000 kepada RM50 000 serta hukuman tambahan menyempurnakan bon berkelakuan baik dan perintah khidmat masyarakat. Ia memberikan mesej yang jelas bahawa penderaan kanak-kanak merupakan satu kesalahan berat dan kenaikan kadar penalti hukuman

secara tidak langsung adalah satu usaha untuk membendung kesalahan-kesalahan tersebut (Supaat, D. I., 2018).

Hakim Izralizam Sanusidi dalam kes *Pendakwa Raya lwn. Siti Bainun Bt Ahd Razali* [2023] MLJU 1423 telah mensabitkan pelaku iaitu Siti Bainun Bt Ahd Razali dengan kesalahan mengabaikan dan menganiaya seorang kanak-kanak perempuan OKU Sindrom Down berusia 13 tahun yang bernama Bella sehingga kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan fizikal dan emosi. Tertuduh yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama tempoh 10 tahun dan 12 tahun dari tarikh sabitan bagi kesalahan mengabaikan dan menganiaya kanak-kanak tersebut. Tertuduh juga telah diperintahkan untuk menandatangani bon berkelakuan baik selama lima tahun dengan seorang penjamin warganegara Malaysia dengan cagaran sebanyak RM5,000.00 dan melaksanakan dan menyempurnakan perintah khidmat masyarakat selama 200 jam agregat dalam tempoh 6 bulan selepas tamat hukuman pemenjaraan.

Selain Akta Kanak-kanak 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) turut memperuntukkan hukuman maksimum bagi kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak iaitu penjara sehingga 30 tahun, denda RM20,000 dan minimum enam kali sebatan (Wahab, N. A., & Nor, M. F. M., 2018). Orang yang mempunyai perhubungan amanah seperti ibu atau bapa, penjaga atau saudara mara seibu atau seapa, keluarga angkat, pengasuh, guru, pensyarah, warden tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi awam atau institusi pengajian tinggi swasta atau mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan yang terlibat atau bersubahat dengan kesalahan-kesalahan seksual tersebut akan diberikan hukuman tambahan iaitu penjara tidak melebihi lima tahun dan hukuman sebat minimum dua kali seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 16 Akta 792.

Akta ini juga memberi penekanan kepada aspek pemulihan pesalah iaitu kaunseling pemulihan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 26. Seksyen 27 Akta 792 memperuntukkan pengawasan polis kepada pesalah bagi tempoh satu sehingga tiga tahun sebaik habis tempoh hukuman dijatuhkan. Selain itu, mangsa kanak-kanak boleh mendapatkan bayaran pampasan akibat daripada kecederaan yang dialaminya akibat daripada kesalahan yang dilakukan terhadapnya seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 26A dan 26B Akta 792.

### **Kewajipan Melaporkan Kes Penderaan Kanak-kanak**

Seksyen 27, 28 dan 29 Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan kewajipan untuk melaporkan atau membuat aduan mengenai penderaan kanak-kanak kepada pegawai perubatan atau pengamal perubatan, anggota keluarga atau pengasuh. Kegagalan untuk melaporkan perkara tersebut boleh didenda tidak melebihi RM5,00 atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen 29A Akta 611 telah meluaskan tanggungjawab tersebut kepada mana-mana orang selain yang disebut di dalam seksyen Seksyen 27, 28 dan 29. Ini bermakna setiap ahli masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk melaporkan atau membuat aduan berhubung kes penderaan kanak-kanak kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Selain itu, seseorang adalah dianggap melakukan kesalahan di bawah seksyen 19 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 apabila dia gagal untuk membuat aduan atau memberikan maklumat mengenai pelakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta 792. Kegagalan seseorang untuk melaporkan perkara tersebut kepada pegawai yang menjaga balai polis berdekatan boleh didenda tidak melebihi RM5,00.

Maka, setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk membuat aduan dan melaporkan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau pihak Polis. Aduan kes boleh dibuat kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan dengan tempat tinggal atau membuat aduan melalui Talian Kasih 15999 atau melalui *whatsapp* kepada nombor 019-26 15999. Aduan penderaan kanak-kanak ini juga boleh dilakukan melalui *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* JKM.

Mekanisme pelaporan atau pengaduan bagi kes penderaan secara asasnya adalah sama bagi kanak-kanak normal mahupun kanak-kanak kurang upaya. Namun bagi kanak-kanak OKU, keupayaan mereka adalah terbatas untuk membuat aduan sendiri kepada pihak JKM atau polis dan sangat bergantung kepada penjaga atau orang di sekeliling mereka. Hal ini kerana, kanak-kanak OKU umpamanya kanak-kanak OKU pertuturan atau intelektual adalah tidak berupaya untuk menceritakan sesuatu perkara berkaitan penderaan yang mereka alami dan mereka sendiri tidak memahami bahawa mereka sedang didera.

### ***Perlindungan Saksi Kanak-Kanak OKU***

Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan mengenai penerimaan keterangan saksi kanak-kanak di mahkamah. Seksyen 118 Akta 56 memperuntukkan bahawa seorang kanak-kanak boleh memberi keterangan di mahkamah dengan syarat dia mestilah memahami soalan dan boleh memberikan jawapan yang rasional. Seksyen 17 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 telah membenarkan seseorang kanak-kanak memberikan keterangan di dalam mahkamah walaupun tanpa sokongan atau sumpah. Manakala Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 (Akta 676) memperuntukkan mengenai tatacara pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak antaranya dengan mengadakan pengadang di antara kanak-kanak dan tertuduh, rangkaian secara langsung, rakaman video atau melalui pendengaran khas (seksyen 3, 4, 5,6 dan 6A Akta 676). Seksyen 12 Akta 676 memberikan panduan kepada saksi kanak-kanak kurang upaya untuk memberikan keterangan mengikut mana-mana kaedah atau gabungan kaedah yang ditetapkan dalam seksyen 3 tersebut.

Terdapat Child Interview Centre (CIC) atau Pusat Temuduga Kanak-kanak yang diwujudkan sejak tahun 2002 di bawah kendalian Bahagian Siasatan Seksual dan Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pusat ini adalah mesra kanak-kanak dan menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa kepada mangsa dan saksi kanak-kanak semasa proses penyiasatan kes. Pusat ini juga menyediakan perlindungan segera yang melibatkan pasukan kesihatan kepada kanak-kanak dan ibu bapa bukan pendera serta ahli keluarga. CIC adalah berkoncepcan *Child Friendly Policing* bagi mengurangkan trauma yang dialami oleh mangsa atau saksi kanak-kanak. Fungsi utama CIC adalah merakam keterangan mangsa atau saksi kanak-kanak melalui rakaman video (DVD) seperti yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta Keterangan Saksi

Kanak-Kanak 2007. Rakaman ini dijalankan dengan menggunakan alat rakaman *Integrated Real Time DVD Recording system*.

Selain itu, terdapat mahkamah khas bagi mengendalikan kes jenayah kesalahan-kesalahan seksual yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Mahkamah ini dilengkapi peralatan dan kemudahan terkini seperti *Court Recording and Transcription (CRT)* yang akan memberikan akses kepada rakaman video dan visual prosiding mahkamah serta bilik khas yang dilengkapi kemudahan video-link bagi membolehkan keterangan saksi diberikan dari bilik khas serta ia dapat diakses oleh Hakim, pendakwa raya dan peguam dari mahkamah terbuka. Ini bagi membolehkan perbicaraan tersebut dikendalikan secara *tele-conference* agar mangsa kanak-kanak tidak melihat muka tertuduh sewaktu perbicaraan (Md Raus, 22/6/2017).

### **Rumah Perlindungan Kanak-kanak**

Seksyen 30 Akta Kanak-kanak memberikan kuasa kepada Mahkamah bagi Kanak-kanak untuk mengeluarkan perintah yang wajar bagi melindungi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan termasuk kanak-kanak kurang upaya yang didera. Seksyen 30(1) (ca) dan 30(1) (d) memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh meletakkan kanak-kanak tersebut di suatu pusat atau tempat selamat selama 3 tahun atau sehingga mereka mencapai umur 18 tahun.

Rumah Kanak-Kanak adalah institusi tempat selamat yang ditubuhkan ditubuhkan di bawah Seksyen 54 Akta 611 (tempat selamat) bagi menempatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Kanak-kanak yang didera fizikal, emosi atau seksual oleh ibu bapa atau penjaga atau kanak-kanak yang berkemungkinan akan didera dari segi fizikal, emosi atau seksual atau ibubapa atau apabila penjaga kanak-kanak yang telah abai atau tak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan terhadap kanak-kanak akan diperintahkan untuk ditempatkan di Rumah Kanak-kanak ini. Objektif utama penubuhan institusi ini adalah untuk memberi jagaan gantian kepada kanak-kanak selain menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni. Terdapat 15 rumah kanak-kanak di seluruh Malaysia yang boleh menempatkan 1,510 kanak-kanak bagi tujuan tersebut (JKM, 2021).

## **KESIMPULAN**

Undang-undang sedia ada adalah mencukupi bagi melindungi mangsa penderaan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. Akta Kanak-kanak 2001 dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 secara asasnya adalah terpakai kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak OKU. Kedua-dua Akta ini umpamanya telah memperuntukkan hukuman yang maksima kepada pelaku kes penderaan kanak-kanak serta mewajibkan semua pihak untuk melaporkan atau membuat aduan mengenai kes penderaan kanak-kanak kepada pihak bertanggungjawab.

Selain itu, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 pada seksyen 12 telah menyebut dengan jelas mengenai kaedah penerimaan keterangan saksi kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. Ini kerana sudah pasti kaedah penerimaan keterangan dari saksi atau mangsa kanak-kanak OKU adalah berbeza dari kanak-kanak normal. Namun sebaiknya perlu ada garis panduan khusus berkaitan prosiding dan pengendalian kes yang melibatkan

kanak-kanak OKU umpamanya dari segi pengumpulan bukti dan keterangan kes, perbicaraan dan sebagainya. Penyediaan fasiliti mesra OKU di Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) dan rumah-rumah perlindungan kanak-kanak perlu dipertimbangkan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak OKU yang ingin mendapatkan perlindungan di pusat-pusat tersebut. Begitu juga mekanisme pelaporan dan aduan yang bukan sahaja mesra kanak-kanak tetapi juga mesra OKU.

Maka pelbagai usaha perlu dilakukan oleh pihak-pihak berwajib seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK), Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu sebuah bahagian baru yang ditubuhkan pada tahun 2023 bagi memastikan khidmat pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak disediakan dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan atau Pelan Tindakan Dasar Kanak-kanak Negara boleh mempertimbangkan aspek perlindungan kanak-kanak kurang upaya atau dimuatkan dalam teras strategik masing-masing. Ini bagi memastikan kanak-kanak kurang upaya benar-benar mendapat pembelaan dan perlindungan undang-undang sewajarnya selaras dengan komitmen Malaysia sebagai negara ahi kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim, Nur Hanis; Jasmi, Kamarul Azmi. (2022). Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(1) 2022, p. 365-372. Tema “Nilai dalam Falsafah Sains dan Tamadun.” Bertempat: Webinar: <https://utm.webex.com/meet/amdean>, 11 Januari 2022, anjuran Akademi Tamadun Islam (ATI), Fakulti Sains Sosial dan Ketamadunan(FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM). eISSN: 2805 556X
- Aizat Sharif, 2023, 3 Remaja Dijumpa Tak Bermaya, 2 Dirantai Pada Kaki. Dicapai pada 24 Julai 2024.  
<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/949540/3-remaja-dijumpa-tak-bermaya-2-dirantai-pada-kaki>
- Alavi, K., & Ann, W. S. (2003). *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-Kanak*. PTS Publications & Distributors.
- Chu, A. T., Pineda, A. S., DePrince, A. P., & Freyd, J. J. (2011). Vulnerability and protective factors for child abuse and maltreatment.
- Cooke, P., & Standen, P. J. (2002). Abuse And Disabled Children: Hidden Needs...?. *Child Abuse Review: Journal of the British Association for the Study and Prevention of Child Abuse and Neglect*, 11(1), 1-18.
- Fisher, M. H., Hodapp, R. M., & Dykens, E. M. (2008). Child abuse among children with disabilities: What we know and what we need to know. *International review of research in mental retardation*, 35, 251-289.

Jaafar, H. J. B., Wahab, D. H. B. A., & Yaacob, D. N. B. (2014). Akta Orang Kurang Upaya 2008: Perkembangan Hak Orang Kurang Upaya Di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014*

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2020). Garis Panduan Pendaftaran OKU Pindaan 2019

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022

Kassim, K. (2000). *Penderaan Emosi Kanak-Kanak: Trauma Terselindung*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dasar Orang Kurang Upaya

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dasar Kanak-kanak

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dasar Perlindungan Kanak-kanak 2010

Muhammad Ariffin Surdi Roslan, Hasnizam Hashim & Azman Ab Rahman. 2021. Perbicaraan Orang Kurang Upaya (Oku): Analisis Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*. Hlm. 253.

Ngah, A. C. (2002). *Penganiayaan Kanak-Kanak: Satu Kajian Sosio Perundangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Azlida Alimin, 2021. Penjaga Kanak-Kanak Autisme Warga Singapura Didakwa. Sinar Harian Online. Dicapai pada 23 Julai 2024. <https://www.sinarharian.com.my/article/166673/berita/semasa/penjaga-kanak-kanak-autisme-warga-singapura-didakwa>

Norsaleha, M. S., Hafizah, N., Zetty Nurzuliana, R., Kamal Azmi, A. R., Norbahiah, M., & Nabilah Huda, Z. (2019). Faktor Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Analisis. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan.

PBB. Konvensyen Tentang Orang Kurang Upaya. (2007). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

PBB. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (1989). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Roslan, M. A. S., Hashim, H., Baharuddin, A. S., & Ab Rahman, A. (2021). Analisis Literatur Tentang Tatacara Perbicaraan Jenayah Syariah Bagi Orang Kurang Upaya Di Mahkamah Syariah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(1), 247–271. Retrieved from <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls/article/view/uumjls2021.12.1.11>

- Syaherah Mustafa. 2022. 1,055 Kes Penderaan Kanak-Kanak Dalam Enam Bulan. *Berita Harian Online*. Dicapai pada 17 Julai 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/997082/1055-kes-penderaan-kanak-kanak-dalam-enam-bulan>
- Supaat, D. I. (2018). Ulasan Perundangan: Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016: Peningkatan Penalti. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 30(2), 424-442.
- Tahir, Z., Thambapillary, S., Yusoff, J. Z. M., & Rahman, A. S. A. (2020). Undang-Undang Berkelaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(1), 96-114.
- Umvathiyah Ramayah. 2023. Siti Bainun Ke Penjara Kajang Jalani Hukuman Penjara 12 Tahun. *Astro Awani*. Dicapai pada 10 Julai 2024. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-bella-siti-bainun-ke-penjara-kajang-jalani-hukuman-penjara-12-tahun-417859>.
- Wahab, N. A., & Nor, M. F. M. (2018). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37-55.
- Wahab, N. A. (2017, September). Mahkamah Jenayah Khas: Pendekatan Inovatif dalam Menangani Jenayah Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak. In *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Proceeding, Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi* (Vol. 7).
- Yusof, N. I., & Ismail, H. (2020). Kekangan guru tadika untuk menerima kanak-kanak berkeperluan khas: The barriers faced by kindergarten teachers in accepting children with special needs. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(2), 120-131.
- Yusoff, J. Z. M. (2010). *Jenayah penderaan kanak-kanak*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yusoff, J. Z., & bin Tahir, Z. (2005). Akta Kanak-Kanak 2001: Penguatkuasaan Semula Tugas Dan Tanggungjawab Ibu Bapa Atau Penjaga?. *JMCL*, 32, 129.

## Statut

- Akta Kanak-Kanak 2001  
Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017  
Akta Keterangan 1950  
Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007  
Akta Orang Kurang Upaya 2008

## Kes

Pendakwa Raya lwn Siti Bainun bt Ahd Razali [2023] MLJU 1423 824